

Ringgit dijangka diniagakan rendah minggu ini susulan jangkaan yang semakin meningkat terhadap kenaikan kadar faedah di Amerika Syarikat (AS), ditambah dengan penurunan harga minyak.

Naib Presiden dan Ketua Penyelidikan Runcit Affin Hwang Investment Bank, Datuk Dr Nazri Khan Adam Khan, berkata pasaran mengalami kebimbangan disebabkan data baru-baru ini yang menunjuk kepada kenaikan kadar faedah oleh Rizab Persekutuan AS bulan depan.

“Sementara itu, harga minyak mentah Brent susut 3.8 peratus untuk ditutup pada AS\$44.06 setong, terendah sejak akhir Ogos, selepas Pertubuhan Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) memberi amaran bahawa lebih banyak minyak adalah melebihi ketika krisis kewangan 2008,” katanya kepada Bernama.

Pada Jumaat, Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, berkata ringgit akan stabil bagi mencerminkan asas ekonomi negara apabila ketidakpastian dalam dasar ekonomi utama dan isu-isu domestik selesai.

Beliau turut mengumumkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia berkembang sederhana pada 4.7 peratus bagi suku ketiga 2015, daripada 4.9 peratus pada suku kedua, dipacu terutamanya oleh permintaan sektor swasta.

Mengikut Jumaat ke Jumaat, ringgit susut kepada 4.3700/3780 berbanding dolar AS daripada 4.3070/3160 yang dicatatkan minggu lalu.

BERNAMA